



Jajaran baharu kereta api ke Pantai Timur libatkan Wilayah Persekutuan, lima buah negeri

Stesen ECRL di Putrajaya



PENGUNAAN pengangkutan rel bakal meningkat apabila ECRL disambungkan dengan Putrajaya.

KEPUTUSAN kerajaan menukar jajaran projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dengan memasukkan Putrajaya sebagai salah stesen yang bakal dibina memberikan lonjakan kepada penduduk Wilayah Persekutuan.

Perubahan jajaran tersebut bakal memanfaatkan pengangkutan rel yang lain seperti Express Rail Link (ERL), Komuter Keretapi Tanah Melayu Bhd. (KTMB) dan Transit Aliran Massa (MRT).

Landasan ECRL yang akan melalui 20 stesen bakal merentasi lima negeri dan Wilayah Persekutuan antaranya Kota Bharu, Kelantan ke Kuala Terengganu; Kuantan, Mentakab di Pahang dan seterusnya Jelevu, Negeri Sembilan. Laluan baharu tersebut juga meliputi Bangi/Kajang, Selangor; Putrajaya Sentral sebelum berakhir di Pelabuhan Klang.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, projek rel melibatkan trek berkembar sejauh 640 kilomter termasuk jajaran sambungan itu bakal menelan belanja RM44 bilion iaitu lebih rendah berbanding kos asal RM66.7 juta.

**LAPORAN PENUH
DI MUKA 2**

Bangunkan ekonomi, mudahkan perjalanan ke Pantai Timur

PUTRAJAYA - Penambahbaikan jajaran baharu dalam projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat selain merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negeri-negeri yang terlibat.

Selain memudahkan masyarakat setempat menikmati kemudahan pengangkutan awam yang lebih efisien, ECRL juga membuka peluang pekerjaan dan bakal mewujudkan lebih banyak usaha-

wan menerusi pelbagai industri antaranya inap desa, kedai runcit mahu pun gerai makanan.

Bagi pekerja swasta, Mohamad Aliff Ashraf Mohd. Yusof, 23, hasrat kerajaan meneruskan projek ECRL membuka pelbagai ruang perniagaan kepada masyarakat setempat selain membantu syarikat tempatan mendapat kontrak pembinaan "bersejarah" itu.

"Penduduk-penduduk di kawasan terlibat khususnya di luar bandar seperti Kemasik, Pengkalan Berangan dan Kampung Raja di Terengganu akan mempunyai akses pengangkutan awam terus ke Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Tempoh masa yang diambil juga lebih singkat iaitu sekitar 40 minit sahaja. Pengangkutan

tan awam ini bukan sahaja menjimatkan masa malah membantu mengurangkan kesesakan jalan raya," katanya kepada *Wilayahku* di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Mohammad Aizat Mohammad Noor, 30, yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan berkata, berikutan jalan raya untuk ke Pantai Timur sering sesak khususnya pada musim perayaan mahu pun cuti umum, pengangkutan rel adalah mekanisme berkesan untuk melancarkan pergerakan orang ramai.

Sementara itu, seorang pengu-rus syarikat swasta, Muhammad Asyraf Othman, 25, berkata, jajaran baharu tersebut turut memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia kerana dapat melonjakkan industri pelancongan negara serta membolehkan pelancong dari

dalam dan luar negara berkunjung ke kawasan-kawasan terpencil atau perkampungan sekali gus dapat memperkenalkan budaya tempatan.

Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Farahiyah Izzatie Fazlee, 23, pula

berkata, ECRL dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

"Perjalanan juga lebih terancang kerana sebagai pelajar, saya dapat berkunjung ke Pantai Timur dengan lebih senang bersama rakan-rakan universiti tanpa membimbangkan ibu bapa," jelasnya.



**FARAHYAH
IZZATIE**



**ALIFF
ASHRAF**



**ASYRAF
OTHMAN**



ECRL akan dihubungkan dengan khidmat ERL yang melalui Putrajaya Sentral.

Jajaran baharu lonjak pembangunan ekonomi lima buah negeri

ECRL lalu di Putrajaya

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA - Keputusan kerajaan memasukkan Putrajaya dalam jajaran baharu projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bakal memberikan lonjakan kepada bandar ini.

Malah keputusan mengubah jajaran yang sebelum ini melalui Gombak, Selangor sebelum berakhir di Pelabuhan Klang dengan memasuki Jelevu, Negeri Sembilan ke Bangi/Kajang bakal merencanakan lagi aliran pengguna rel di negara ini.

Ini ekoran pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan ini sedia dilengkapi kemudahan Express Rail Link (ERL) yang menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) manakala Kajang disambungkan dengan Komuter Keretapi Tanah Melayu Bhd. (KTMB).

Putrajaya Sentral pula selepas ini bakal dilengkapi dengan jaringan Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya yang sedang dalam pembinaan.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihaknya yakin ECRL akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi kepada negeri-negeri terbabit termasuk yang diperintah parti pembangkang di Pantai Timur.

Beliau berkata, penambahbaikan ECRL adalah selaras dengan manifesto kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk mengkaji semula semua projek mega yang dipersetujui oleh kerajaan terdahulu dan menyamaratakan peluang ekonomi antara pantai barat dan timur Semenanjung.

Ujar beliau, kejayaan rundingan untuk

perjanjian baru ECRL bermula Julai tahun lalu menghasilkan penjimatan yang begitu besar kepada negara.

"Kerajaan PH menekankan bahawa kritikan awal terhadap projek ECRL adalah berlandaskan kepada kos projek asal yang terlalu tinggi serta membebaskan dan bukan khusus kepada projek ECRL.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan China kerana memahami situasi kewangan dan masalah yang di-



DR. MAHATHIR

adapi Malaysia berikutan bersetuju untuk menjalankan perundingan semula bagi projek tersebut," katanya.

Dr. Mahathir memberitahu, China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) juga bersetuju untuk membayar balik sebahagian daripada RM3.1 bilion bayaran pendahuluan projek berkenaan.

Menurut beliau, bayaran pendahuluan itu merupakan kerja-kerja yang telah dibuat untuk Fasa 2, laluan kembar dan jaringan tambahan utara di bawah kontrak asal.

Perdana Menteri berkata, bayaran pertama berjumlah RM500 juta akan dibuat dalam tempoh seminggu bermula 12 April lalu manakala RM500 juta lagi dalam tempoh sebulan bermula tarikh sama.

Beliau memberitahu, CCCC juga bersetuju untuk mengambil bahagian dalam operasi dan penyelenggaraan ECRL melalui sebuah syarikat usahasama yang bakal ditubuhkan dengan pegangan 50:50 peratus antara CCCC dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRLSB).

"CCCC akan memberi sokongan teknikal dan berkongsi risiko operasi setelah siapnya projek ECRL. Kerjasama ini akan meringankan beban kewangan Malaysia yang dahulunya terpaksa menanggung

LALUAN BAHARU ECRL

- SELANGOR**
- 1. PELABUHAN KLANG
- 2. CADANGAN STESEN
- 4. BANGI/KAJANG
- PUTRAJAYA**
- 3. PUTRAJAYA SENTRAL
- NEGERI SEMBILAN**
- 5. CADANGAN STESEN
- PAHANG**
- 6. MENTAKAB
- 7. MARAN
- 8. GAMBANG
- 9. KOTA SAS
- 10. KUANTAN PORT CITY 2
- 11. KUANTAN PORT CITY
- 12. CHERATING
- TERENGGANU**
- 13. CUKAI
- 14. KEMASIK
- 15. DUNGUN
- 16. PENGKALAN BERANGAN
- 17. KUALA TERENGGANU
- 18. KAMPUNG RAJA
- KELANTAN**
- 19. TOK BALI
- 20. KOTA BHARU



adalah sepanjang 648 kilometer berbanding rancangan awal 688 kilometer.

Berikutan itu, kos pembinaan Fasa 1 dan 2 ECRL itu dikurangkan kepada RM44 bilion iaitu pengurangan sebanyak RM21.5 bilion daripada kos asal RM65.5 bilion.

Laluan ECRL menghubungkan 20 stesen membabitkan Kota Bharu, Kelantan hingga ke Pelabuhan Klang di Selangor.

INFO Jajaran baharu ECRL

- Kos dikurangkan kepada RM44 bilion berbanding harga asal RM65.5 bilion
- Kos RM68.7 juta setiap kilometer berbanding harga asal RM95.5 juta
- Standard gauge dan landasan berkembar dikekalkan
- 640 kilometer termasuk jajaran sambungan
- Melalui 20 stesen antaranya Kota Bharu ke Kuala Terengganu, Kuantan, Mentakab dan seterusnya ke Jelevu, Bangi/Kajang, Putrajaya Sentral dan Pelabuhan Kelang
- Merentasi lima negeri dan Wilayah Persekutuan Putrajaya
- Dijangka siap akhir Disember 2026
- Selamatkan kawasan Klang Gates Quartz Ridge di Gombak.

beban kewangan keseluruhan operasi dan penyelenggaraan projek tersebut.

"Malaysia akan berpeluang mempelajari daripada kepakaran operasi dan penyelenggaraan CCCC yang sudah tentunya akan meningkat daya maju jangka masa panjang projek tersebut," katanya.

Pembinaan ECRL disambung semula selepas Malaysia-China pada Jumaat minggu lalu menandatangani perjanjian tambahan (SA) ECRL membabitkan wakil MRL dan CCCC di Beijing.

Wakil khas Perdana Menteri, Tun Daim Zainuddin dipetik sebagai berkata, landasan baharu yang bakal dibina itu

Ekzema dorong Harlinda bangkit

Oleh **AZLAN ZAMBRY**

azlanwilayahku@gmail.com

TIDAK terlintas dalam fikirannya untuk menjadi formulator produk kesihatan kulit lebih-lebih lagi apabila ketika berdepan dengan masalah anak keempatnya yang menghidap penyakit ekzema kronik sejak dilahirkan.

Namun Harlinda Abdul Halim, 36, menganggap jalan yang telah ditakdirkan untuknya sejak 2017 lalu ditempuhi dengan sabar demi memberikan kehidupan yang terbaik kepada anaknya, Ku Muhammad Daffa Iman yang kini telah menginjak usia tiga tahun lima bulan.

"Ketika mula-mula doktor mengesahkan anak yang dilahirkan mendapat penyakit ekzema yang kronik, perasaan hiba menyelubungi kerana mengenangkan nasib yang bakal ditempuhi Ku Muhammad Daffa.

"Manakan tidak, ketika usia beberapa bulan, 80 peratus badannya diserang ekzema sekali gus menyukarkan pemakanannya. Kulitnya mengelupas dan anak saya pernah menggaru sehingga berdarah," ceritanya kepada Wilayahku.

Perasaan sebagai seorang ibu yang menyayangi anak kecil menyebabkan Harlinda dan suaminya berikhtiar serta berbelanja ribuan ringgit setiap bulan untuk mendapatkan produk yang sesuai

untuk Ku Muhammad Daffa.

"Setiap bulan, kami berhabis kira-kira RM3,000 untuk membeli ubat-ubatan dan produk alternatif sebagai usaha mengubati penyakit anak kami," katanya.

Luah Harlinda, waktu itu, kehidupan mereka sekeluarga agak tertekan ekoran kekurangan sumber pendapatan.

Keadaan tersebut mendorong Harlinda mempelajari teknik-teknik memformulasikan produk kesihatan daripada sebuah institusi luar negara secara dalam talian selama tujuh bulan.

"Setelah itu, saya membaca kandungan produk alternatif yang dibeli dan mula membuat sendiri di rumah. Setelah diadun mengikut formula yang ditetapkan, saya mula mencuba ke atas Ku Muhammad Daffa dan ia menunjukkan hasil yang memberangsangkan," katanya.

Bertitik tolak dari kejayaan tersebut, Harlinda dan suami menjual produk tersebut secara kecil-kecilan dengan harga yang lebih murah.

"Tujuan kami adalah untuk membantu ibu bapa yang mempunyai anak menghidap ekzema bagi mendapatkan rawatan alternatif dengan harga yang lebih murah.

"Melalui penghasilan produk tersebut,



HARLINDA bersama anaknya, Ku Muhammad Daffa.

setakat ini kami berjaya membantu lebih 20,000 kanak-kanak dan orang dewasa yang mempunyai masalah ekzema," katanya.

Harlinda yang merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berkata, dia menubuhkan



sebuah syarikat Malaysian Organic & Natural Skincare Academy (MONAS) dan menganjurkan kelas-kelas penjagaan khusus untuk anak-anak yang menghidap ekzema.

"Kebanyakan ibu bapa hanya memikirkan rawatan luaran sahaja, tetapi faktor pemakanan harian seperti pengambilan ayam, daging dan makanan berasaskan tepung harus diteliti," katanya.

Ibu kepada lima cahaya mata ini sedang merancang untuk mengadakan program 'ekzema talk' kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak penghidap ekzema

secara percuma.

"Melalui program ini, kesedaran untuk merawat ekzema luaran dan dalaman dapat dipertingkatkan seterusnya membantu ibu bapa merawat anak mereka sendiri. Program ini juga akan mendidik ibu bapa menjaga pemakanan supaya penyakit itu dapat dikawal," katanya.

Kita BERJAYA atas Doa dan berkat jasa Ibu & Ayah; Senyumkan Ibu & Ayah dengan Infaq Sedekah kita

INFAQ

Kita bina tahfiz untuk Ibu & Ayah

Moga Ibu & Ayah dalam limpahan Kurnia dan Rahmat Allah S.W.T

TOLONG VIRAL bantu kami Bina Tahfiz



Beli tanah, bina bangunan tahfiz, & tadbir urusan pengajian tahfiz



Tahfiz Pra & Rendah



Tahfiz Menengah & Remaja



Pengajian Warga Emas

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI MALAYSIA (YPEM)

Bina dan urus rangkaian Tahfiz Quran YPEM di Malaysia

Nota: Infaq adalah untuk membeli tanah, membina, dan membangunkan tahfiz, membantu pelajar tahfiz & menyediakan kuliah pengajian al-Quran warga emas.

Saluran INFAQ KASIH Sedekah IBU & AYAH

Bank ATM & CDM

Infaq minima RM 10

BSN : 0820041000218603

RHB : 25818700010180

CIMB : 8603357750

BIMB : 08095010009590

RAKYAT : 110831002465

Online Internet Banking

Infaq minima RM 5



Biller Code: 83865
Ref-1: Infaq Tahfiz YPEM

JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa atau simpanan



Yayasan Pembangunan Ekonomi Malaysia (YPEM)

Membina Gerbang Pendidikan Tahfiz Moden